

Isu pindaan Perlembagaan Persekutuan Enam sultan setuju

14
14 JAN 1984
Oleh Mohd Shah Abdullah dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad — Enam raja Melayu bersetuju dengan draf pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memansuhkan kekebalan raja, dengan beberapa cadangan tambahan.

Persetujuan itu dicapai dalam perjumpaan tidak rasmi lebih tiga jam di antara wakil kerajaan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan raja-raja di Istana Negara, mulai jam 4 petang ini.

Dr Mahathir disertai Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Turut hadir ialah Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.

Raja-raja yang hadir ialah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Pahang, Sultan Terengganu, Raja Perlis, Pemangku Sultan Selangor dan Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin Shah. Semua mereka memberi persetujuan terhadap draf pindaan itu.

Sultan Johor, Kedah dan Kelantan, tidak hadir.

Ketika ditemui di luar istana, Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat memastikan pendirian tiga raja yang tidak hadir dalam perjumpaan itu.

"Raja-raja akan bersidang sekali lagi esok un-

tuk membuat keputusan rasmi dalam persidangan khas raja-raja yang dijangka dihadiri semua sultan, raja dan pemangku sultan," katanya.

Perdana Menteri yang kelihatan gembira ketika diserbu pemberita di keretanya, berkata Kabinet juga akan mengadakan mesyuarat khas pagi esok untuk membincangkan lebih lanjut cadangan tambahan yang dipersetujui enam raja itu.

Menurut sumber, cadangan baru yang mungkin dimasukkan dalam draf pindaan Perlembagaan ialah penubuhan sebuah mahkamah khas untuk membicarakan raja yang melakukan kesalahan sivil dan jenayah.

Bagaimanapun, tidak diketahui prosedur dan jemaah hakim yang akan menganggotainya.

Dr Mahathir berkata, keputusan mengenai pindaan Perlembagaan dengan cadangan tambahan itu akan menjadi rasmi selepas raja-raja dan Kabinet membuat keputusan esok.

"Kita bersetuju dan raja juga bersetuju dengan cadangan pindaan Perlembagaan itu. Bagaimanapun, memandangkan ia bukan perjumpaan penuh raja-raja, kita tidak boleh memberi pen-

LIHAT MUKA 2

3 raja

18 JAN 1993

Jadi

tanda

tanya

DARI MUKA 1

gesahan rasmi," katanya.

Beliau tidak dapat menjelaskan lebih lanjut butir cadangan tambahan pindaan Perlembagaan itu sehingga raja-raja dan Kabinet memutuskannya esok.

Ditanya sama ada raja bersikap positif, Dr Mahathir berkata: "Ia positif. Kita harap akan ada pengesahan rasmi esok.

"Saya tidak tahu sama ada tiga raja yang tidak hadir itu mempunyai pandangan berbeza atau sebaliknya," katanya.

Dr Mahathir berkata, persidangan Dewan Rakyat yang dijadualkan esok dan lusa, manakala Dewan Negara pada Rabu akan berjalan seperti biasa.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, berkata kerajaan berharap semua raja akan menerima cadangan pindaan Perlembagaan dengan cadangan tambahan berkenaan.

Terdahulu, lima raja yang menghadiri mesyuarat tidak rasmi itu tiba di Istana Negara pada jam 3.25 petang, didahului oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan diikuti Pemangku Sultan Selangor dua minit kemudian dan Raja Perlis.

Menyusul kemudian ialah Abu Talib, Afiwar dan Ghafar.

Sultan Pahang tiba pada jam 3.51 petang; diikuti Dr Mahathir pada 3.52 petang, manakala Sultan Terengganu tiba pada jam 3.53 petang.

Perdana Menteri adalah yang pertama meninggalkan Istana Negara pada jam 5.45 petang diikuti Ghafar dan Anwar.